

# Zubir Pengerusi Lembaga AIM

JOHOR BAHRU 10 Okt. - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelajaran Mara (YPM), Dr. Zubir Harun dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Amanah Ikh-tiar Malaysia (AIM) yang baharu berkuat kuasa 1 Oktober lalu.

AIM dalam kenyataannya di sini berkata, pelantikan Zubir itu bagi menggantikan Datuk Amihamzah Ahmad yang bersara pada 30 September lalu.

Menurut kenyataan itu, pelantikan beliau adalah pilihan yang tepat berdasarkan pengalaman dan komitmennya kepada masyarakat terutamanya dalam membangunkan golongan miskin dan berpendapatan rendah.

"Ini akan membolehkan beliau menerajui Lembaga AIM dalam membuat keputusan-keputusan penting berkaitan aktiviti membangunkan ekonomi isi ru-



**ZUBIR HARUN**

mah miskin dan berpendapatan rendah di seluruh negara selain dilihat mampu memacu transformasi AIM ke arah yang lebih kukuh," demikian menurut kenyataan itu.

Zubir berkelulusan Ijazah Kedoktoran Pendidikan (Pembangunan Sumber Manusia) dari Universiti Sela-

ngor (Unisel), Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) di samping Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau turut berpengalaman dalam dunia korporat dan keusahawanan serta mempunyai hubungan yang luas dalam kumpulan pembangunan masyarakat, sekali gus diyakini dapat memantapkan lagi legasi AIM dalam industri kewangan mikro.